



JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM NEGERI SABAH

جَبَاتُ حَالِ الْهَوَالِ الْإِسْلَامِيَّةِ نِجَرِي سَابَا

KHUTBAH JUMAAT PERTAMA DAN KEDUA

29 SYAABAN 1446H/ 28 FEBRUARI 2025M

“SIAP SIAGA BULAN MULIA”

Disediakan oleh:

Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS)

Arahan kepada PTA/ PPMD/ AJK MASJID/ SURAU:

- Seksyen 97, Enakmen 3 Tahun 1995, Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah 1995, Bahagian IV - Kesalahan Khutbah menyatakan bahawa menjadi kesalahan bagi khatib yang membaca khutbah Jumaat yang bukan disediakan, disemak atau diluluskan oleh Majlis dan boleh, apabila disabitkan, dikenakan hukuman denda tidak melebihi dua ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya sekali.
- Khatib hendaklah menyemak terlebih dahulu khutbah ini sebelum disampaikan kepada para jemaah supaya sempurna rukun dan baris agar dapat disampaikan dengan fasih dan lancar.
- Khutbah ini hendaklah dibaca oleh Imam Qariah atau Imam Rawatib yang bertugas di masjid atau surau yang berkenaan kecuali ada kebenaran khas dari Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS).
- Khutbah hendaklah disampaikan pada tarikh dan masa yang ditetapkan oleh JHEAINS.
- Khatib tidak dibenarkan meminda isi perkataan dalam khutbah ini kecuali untuk menyempurnakan rukun khutbah, kesilapan ejaan dan baris pada ayat-ayat al-Quran & Hadis yang terkandung di dalamnya.
- Khutbah hendaklah disampaikan dalam tempoh 10 - 15 minit sahaja.



Mohon semak QR code ini jika ada sebarang cadangan penambahbaikan. Sekian, terima kasih

KHUTBAH JUMAAT

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا كُتِبَ عَلَيْكُمُ الصِّيَامُ كَمَا كُتِبَ عَلَى الَّذِينَ مِن قَبْلِكُمْ لَعَلَّكُمْ تَتَّقُونَ ﴿١٨٣﴾ (البقرة: 183)

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى حَبِيبِنَا وَشَفِيعِنَا مُحَمَّدٍ، أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ، وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ، وَالتَّابِعِينَ لَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا بَعْدُ، أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ، أُوصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنتُمْ مُسْلِمُونَ ﴿١٠٢﴾

SAUDARAKU MUSLIMIN YANG BERBAHAGIA SEKALIAN

Saat ini kita semua berada di penghujung bulan Sya'ban. Beberapa hari mendatang kita akan memasuki bulan istimewa yang ditunggu-tunggu setiap insan beriman dan bertakwa yakni bulan suci Ramadan. Justeru marilah kita tingkatkan ketakwaan kepada Allah SWT dengan menunaikan segala suruhan-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Khutbah pada hari ini akan membicarakan tajuk “**Siap Siaga Bulan Mulia**”.

SIDANG JUMAAT YANG DIBERKATI ALLAH

Bersama-samalah kita perbanyakkan doa. Semoga kita dipanjangkan umur bertemu dengan Ramadan yang penuh keberkatan.

Imam Al-Ghazali dalam Ihya' Ulumiddin menyebutkan, terdapat beberapa hari istimewa digelar sebagai hari-hari utama (*al-Ayyam al-Fadhilah*). Terdapat beberapa sebab istimewanya bulan Syaaban, antaranya, ia menjadi jambatan menuju bulan yang paling dinantikan iaitu Ramadan.

Sebab itu bulan Syaaban merupakan bulan untuk memantapkan mental, fizikal, emosi dan spiritual menuju keberkatan hakiki pada bulan Ramadan.

Dalam sebuah hadis daripada Usamah Bin Zaid RA, beliau berkata: “Wahai Rasulullah, aku tidak pernah melihat engkau berpuasa dalam satu bulan sebagai mana engkau berpuasa di bulan Syaaban? Nabi SAW bersabda **maksudnya:** *“Itu adalah bulan yang mana manusia sering lalai akannya iaitu bulan yang berada di antara Rejab dan Ramadan. Bulan tersebut adalah bulan-bulan yang diangkat amalan-amalan kepada Rabb al-‘Alamin (Allah SWT), maka aku suka ketika amalanku diangkat dalam keadaan aku sedang berpuasa.”* (HR. an-Nasa’ie)

SIDANG JUMAAT YANG DIMULIAKAN ALLAH

Tanpa disedari, kita membesar bersama Ramadan sepanjang tahun. Jika diteliti, Ramadan telah disyariatkan untuk menjadi penanda aras kualiti Takwa dan iman dalam diri seseorang Muslim. Sesuai sepertimana disebut dalam surah al-Baqarah ayat 183:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا كُتِبَ عَلَيْكُمُ الصِّيَامُ كَمَا كُتِبَ عَلَى الَّذِينَ مِن قَبْلِكُمْ لَعَلَّكُمْ تَتَّقُونَ ﴿١٨٣﴾

Maksudnya: *“Wahai orang-orang yang beriman! Kamu diwajibkan berpuasa sebagaimana diwajibkan atas orang-orang yang dahulu daripada kamu, supaya kamu berTakwa.”*

Takwa yang menjadi matlamat utama puasa bukan sahaja ingin dicapai pada tahun-tahun semasa, tetapi harus dijadikan kayu ukur apabila tiba Ramadan tahun berikutnya. Ibarat mendaki tangga, begitulah tahap takwa yang sepatutnya dimiliki oleh setiap muslim. Namun, apa yang menjadi persoalannya, sudahkah kita mencapai tahap takwa itu setiap kali datangnya bulan Ramadan?

JEMAAH JUMAAT YANG DIRAHMATI ALLAH SWT

Sebagai hamba Allah, wajib bagi setiap diri kita menjadikan bulan Ramadan matlamat untuk menginsafi dan bermuhasabah agar menjadi hamba Allah SWT yang benar-benar beriman dan muslim yang berjaya di dunia dan di akhirat.

Ramadan itu ibarat tetamu terhormat yang sentiasa kita rindui akan kunjungannya. Kedatangan tetamu ini pastinya akan disambut dengan perasaan gembira, kerana tetamu ini membawa keberkatan dan pengampunan daripada Allah SWT.

Disini khatib ingin berkongsi beberapa cara untuk kita menyambut kedatangan Ramadan agar kedatangannya memberi rahmat dan keberkatan buat kita. Antara yang dapat kami nyatakan di sini ialah:

1. Perbaiki Niat

Persiapkan niat kita untuk menghadapi Ramadan ini hanya kerana Allah SWT. Jika hati telah terfokus hanya untuk mencari keredhaan Allah SWT maka amal perbuatannya selepas itu akan menjurus kepadanya juga tapi jikalau sebaliknya maka ia menjadi sia-sia. Firman Allah SWT dalam surah al-Bayyinah ayat 5:

وَمَا أُمِرُوا إِلَّا لِيَعْبُدُوا اللَّهَ مُخْلِصِينَ لَهُ الدِّينَ ...

Maksudnya: “Pada hal mereka tidak diperintahkan melainkan supaya menyembah Allah dengan mengikhlaskan ibadat kepadaNya,”

2. Berdoa

Jika kita melihat perihal golongan salafusoleh dalam menyambut Ramadan, antara yang diamalkan oleh mereka adalah dengan berdoa. Antara doa-doanya seperti berikut.

اللَّهُمَّ سَلِّمْ لِي رَمَضَانَ، وَسَلِّمْ رَمَضَانَ لِي، وَتَسَلَّمْهُ مِنِّي مُتَقَبَّلًا

Maksudnya: *“Ya Allah, sejahterakanlah aku sehingga datangnya Ramadan, sejahterakanlah Ramadan bagiku dan terimalah dariku (ibadat pada bulan itu).”*

3. Qiamullail (Bangun malam)

Qiamullail yang dimaksudkan di sini ialah dengan menghidupkan malam hari disepanjang bulan Syaaban sebelum bertemu di bulan Ramadan dengan beribadah kepada Allah SWT. Disunatkan bagi kita untuk menunaikan solat sunat yang dikenali dengan solat Tahajud.

4. Memperbanyakkan Membaca Al-Quran

Perintah membaca al-Quran digalakkan sebelum datangnya Ramadan kerana ia merupakan peluang mendapat sebanyak mungkin ganjaran yang disediakan.

5. Perbanyakkan Bersedekah

Rasulullah juga memerintahkan umatnya agar memperbanyakkan sedekah. Imam Muslim meriwayatkan dalam sebuah hadis Qudsi yang **bermaksud:** *“Setiap amalan manusia akan diganjarakan kebaikan semisalnya sehingga 700 kali ganda. Allah Azza Wa Jalla berfirman: “Kecuali puasa, kerana puasa itu untuk-Ku dan Aku akan membalasnya.”* (HR Muslim)

SIDANG JEMAAH JUMAAT YANG DIKASIH ALLAH

Mengakhiri khutbah pada hari ini, marilah kita mengambil beberapa simpulan khutbah ini sebagai panduan kita bersama iaitu:-

- Umat Islam mestilah melaksanakan ibadah yang diperintahkan sama ada wajib mahupun sunat sebaik-baiknya.
- Umat Islam wajib mengamalkan segala yang diperintahkan oleh Allah dan Rasulnya demi kebahagiaan dan kejayaan di dunia dan akhirat.
- Umat Islam mestilah berazam dan beriltizam untuk istiqamah dalam kebaikan dan reda dengan ujian yang mendatang.

Justeru itu, jangan lepaskan peluang yang dikurniakan Allah SWT dengan kedatangan Ramadan yang penuh dengan keberkatan ini. Di samping melaksanakan ibadah wajib berpuasa, usahakanlah untuk meraih sebanyak-banyak ganjaran pahala dan Kebajikan yang disediakan Allah SWT melalui ibadah sunat secara berterusan seperti bersedekah dan sebagainya. Firman Allah SWT dalam surah Hud ayat 123:

وَلِلَّهِ غَيْبُ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ وَإِلَيْهِ يُرْجَعُ الْأَمْرُ كُلُّهُ فَاعْبُدْهُ وَتَوَكَّلْ عَلَيْهِ وَمَا رَبُّكَ بِغَفِلٍ عَمَّا تَعْمَلُونَ ﴿١٢٣﴾

Maksudnya: “Dan Allah jualah yang mengetahui rahsia langit dan bumi dan kepada-Nyalah dikembalikan segala urusan. Oleh itu, sembahlah akan Dia serta berserahlah kepada-Nya. Dan (ingatlah), Tuhanmu tidak sekali-kali lalai akan apa yang kamu lakukan.”

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

تيكس خطبة كدوا

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَاعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ أَمَرَكُمْ بِأَمْرِ عَظِيمٍ، أَمَرَكُمْ بِالصَّلَاةِ وَالتَّسْلِيمِ عَلَى نَبِيِّهِ الْكَرِيمِ، فَقَالَ اللَّهُ تَعَالَى:

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا.

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ.

آمِينَ يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ. اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ. اللَّهُمَّ أَنْزِلِ الرَّحْمَةَ وَالْبَرَكَاتِ وَالْهُدَايَةَ وَالسَّلَامَةَ وَالسَّكِينَةَ وَالصِّحَّةَ الدَّائِمَةَ عَلَى مَلِكِنَا كَبَاوَه دُولِي يَغْ مَحَا مَوْلِيَا سَرِي سَرِي قَادُوك بَكِينِدَا يَغْ دَفَرْتَوَانِ اكَوْغْ وَكَذَلِكَ عَلَى فَخَامَةِ الرَّئِيسِ الْأَعْلَى تَوَانِ يَغْ تَرَاوَتَامِ يَغْ دَفَرْتُوا نَكْرِي سَابِه. وَاجْعَلِ اللَّهُمَّ هَذِهِ الْبَلَدَةَ وَسَائِرَ بِلَادِ الْمُسْلِمِينَ أَمْنَةً مُطْمَئِنَّةً، إِنَّكَ رَعُوفٌ رَحِيمٌ.

اللَّهُمَّ ادْفَعْ عَنَّا الْبَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالْفَحْشَاءَ وَالْمُنْكَرَ وَالْمِحْنَ وَالْفِتْنَ، مَا ظَهَرَ مِنْهَا وَمَا بَطَنَ، مِنْ بَلَدِنَا هَذَا خَاصَّةً، وَمِنْ بُلْدَانِ الْمُسْلِمِينَ عَامَّةً، إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ.

Ya Allah, selamatkanlah saudara kami yang dizalimi di bumi barakah Palestin, kasihani dan limpahkanlah Rahmat-Mu ke atas mereka.

Ya Allah! Naungilah kehidupan, negeri dan juga negara kami. Hiasilah diri kami dengan sifat terpuji dan jauhi kami dari sifat yang keji. Jadikanlah kami dan keturunan kami orang-orang yang istiqamah mendirikan solat

secara berjemaah, menunaikan zakat, berpuasa dalam bulan Ramadan, mengerjakan ibadah haji, mewakafkan harta dan berinfaq pada jalan yang Engkau redai. Sesungguhnya hanya kepada-Mu jua Ya Allah tempat kami mengadu dan memohon pertolongan.

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.
عِبَادَ اللَّهِ،

إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ
وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ
فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوا لَهُ عَلَىٰ نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ
وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.

Disediakan dan diedar oleh:

Bahagian Penyelidikan dan Informasi, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah

NOTA:

Teks khutbah ini mengandungi potongan ayat-ayat al-Quran dan Hadis Rasulullah SAW. Mohon jaga dengan cermat dan tidak disepahkan.

Sebarang pertanyaan atau maklum balas, sila hubungi

Unit Penerbitan, Bahagian Penyelidikan dan Informasi, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah

Hubungi [088-522127/](tel:088-522127) jheains.penerbitan@gmail.com untuk sebarang pertanyaan/ maklumat lanjut.